

09/01/2000

Aidilfitri meriah (HL)

Jamhariah Jaafar; Raihanah Abdullah; R Magendran

KUALA LUMPUR: Umat Islam di seluruh negara semalam menyambut hari raya dengan penuh meriah bermula dengan solat Aidilfitri dalam suasana aman kecuali beberapa nahas jalan raya.

Sebanyak 13 orang lagi terbunuh dalam tempoh 24 jam menjelang sambutan Aidilfitri semalam, menjadikan jumlah kematian yang dicatatkan sejak Ops Statik IV dilancarkan 23 Disember lalu kepada 180 orang.

Di ibu kota, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Aishah dengan diiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat jelata.

Turut menunaikan solat Aidilfitri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri dan duta asing.

Selepas solat, Seri Paduka dan Dr Mahathir bersalam dengan jemaah masjid.

Selepas itu, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, beberapa menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing mengadakan majlis rumah terbuka.

Lebih 50,000 orang mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri di kediaman rasmi baru beliau Sri Perdana, di Puterajaya.

Pengunjung berpusu-pusu ke dewan banquet Sri Perdana untuk mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut mengunjungi rumah terbuka itu ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Menteri Kewangan, Tun Daim Zainudin; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir; dan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang.

Inilah kali pertama Dr Mahathir mengadakan rumah terbuka di Sri Perdana di sini. Sebelum ini, rumah terbuka Hari Raya diadakan di Sri Perdana di Kuala Lumpur.

Rumah terbuka Perdana Menteri itu diadakan dalam dua sesi, iaitu antara 10 pagi dan 1 tengah hari manakala sesi kedua pula dari 3 petang hingga 6 petang.

Dr Mahathir yang berpakaian Baju Melayu serba hijau menyambut dan bersalaman dengan tetamu selama tiga jam pada sesi pertama rumah terbuka itu sebelum berhenti rehat pada sebelah tengah hari.

Sebahagian besar tetamu membawa kamera kerana tidak mahu melepaskan peluang bergambar di sekitar kediaman rasmi Perdana Menteri yang tersergam indah dan mempunyai pemandangan menarik.

Abdullah mengadakan rumah terbukanya di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dari jam 2.30 petang hingga 4 petang. Lebih 20,000 orang, termasuk menteri kabinet, anggota pembangkang dan rakyat biasa mengunjungi rumah terbuka Timbalan Perdana Menteri.

Beberapa pemimpin parti pembangkang beragama Islam, tidak ketinggalan mengadakan rumah terbuka di kawasan masing-masing.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor meraikan tetamu di rumahnya, Alor Malai dekat sini.

Beratus tetamu mengunjungi rumah beliau sejak 9.30 pagi hingga jam 6 petang. Rumah terbuka itu diadakan selepas solat Aidilfitri.

Fadzil menunaikan solat sunat itu di Darululum, Bt 14, Jalan Kuala Nerang.

Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pula mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Bukit Damansara, di sini dari jam 10 pagi hingga 4 petang sebelum ke kawasan Parlimennya di Permatang Pauh.

(END)